

8

Harga, Gunatenaga dan Upah

Harga

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Malaysia terus stabil dalam tahun 1996, iaitu dianggarkan meningkat sebanyak 3.6% (1995: 3.4%), walaupun tekanan ke atas harga terus meningkat ekoran daripada peningkatan permintaan agregat serta kekangan penawaran, kekurangan tenaga buruh yang diiringi dengan tekanan ke atas upah serta penggunaan kapasiti yang tinggi dalam ekonomi. Pencapaian ini adalah terutamanya disebabkan oleh kejayaan yang dicapai melalui beberapa langkah dasar yang telah dilaksanakan bagi menangani potensi tekanan ke atas harga, terutamanya yang bertujuan untuk mengawal permintaan dan menambahkan penawaran di samping memperbaiki amalan-amalan perdagangan dan pengagihan. Di samping itu, kadar inflasi dunia yang pada umumnya rendah juga turut menyumbangkan kepada kestabilan harga dalam negeri di mana sebahagian besar peningkatan permintaan telah diimbangi oleh peningkatan import.

Dalam tahun ini, Kerajaan terus melaksanakan pakej langkah-langkah dasar yang menyeluruh untuk membendung tekanan inflasi dalam pelbagai aspek. Dasar kewangan terus diperketatkan untuk mengawal lebih permintaan agregat ke atas ekonomi dalam negeri. Dasar fiskal yang berhemat diteruskan bagi mengurangkan tekanan permintaan yang berlebihan daripada sektor awam. Belanjawan tahun 1996 telah mengurangkan dan menghapuskan lagi cukai import ke atas 1500 jenis barangan. Dengan ini, lebih daripada 5000 jenis barangan telah dihapus atau dikurangkan cukai import sejak Belanjawan 1994. Di samping itu, langkah-langkah pentadbiran terus dilaksanakan bagi memastikan sistem pengagihan yang lebih baik serta membendung amalan perniagaan yang kurang beretika.

IHP bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 1996 meningkat sebanyak 3.6%, iaitu peningkatan kecil berbanding dengan 3.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Di antara komponen-komponen IHP, indeks makanan menunjukkan peningkatan yang tertinggi, iaitu 5.7%, manakala bagi hampir kesemua komponen-komponen lain (kecuali perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan) peningkatan indeks tidak melebihi peningkatan keseluruhan IHP. Oleh itu, peningkatan harga makanan telah menyumbang sebanyak 57.1% daripada peningkatan dalam IHP keseluruhan.

Tahun ini juga menyaksikan keadaan kekurangan penawaran dan kenaikan harga beberapa barangan keperluan. Kekurangan penawaran ayam yang berlaku pada awal tahun ini telah disebabkan terutamanya oleh peningkatan permintaan semasa kedua-dua musim perayaan utama. Kenaikan harga ayam juga turut dipengaruhi oleh tindakan peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan semasa kekurangan penawaran. Bagi menangani masalah kekurangan bekalan ini, Kerajaan telah membenarkan import ayam yang telah diproses dari negara Thai dan Holland bagi tempoh Januari hingga Mac tahun 1996. Di samping itu, ayam juga disenaraikan sebagai barangan yang dikawal bekalannya bagi memastikan bekalan ayam mencukupi dan dapat memenuhi permintaan.

Pada awal tahun ini, harga biji gandum di pasaran dunia meningkat dengan ketara menyebabkan tekanan harga di pasaran tempatan ke atas tepung gandum yang merupakan barangan kawalan harga. Selaras dengan peningkatan ketara harga biji gandum yang diimport (Australian Standard White Wheat) iaitu sebanyak 56% daripada AS\$154 setan metrik pada tahun 1993 kepada AS\$240 setan metrik dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1996, Kerajaan telah

meluluskan kenaikan harga tepung daripada 80 sen sekilogram kepada RM1.10 sekilogram bagi mengelak daripada kekurangan penawaran apabila pengilang tidak dapat bertahan lagi untuk menyerap kos bahan mentah. Walau bagaimanapun, harga tepung akan dikaji semula dari masa ke semasa, berdasarkan pergerakan harga gandum yang diimport. Sementara itu, Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menjalankan operasi besar-besaran yang dinamakan 'Ops Gandum' bagi memastikan pedagang tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga makanan yang berasaskan tepung gandum. Bagi memastikan bekalan tepung gandum mencukupi, Kerajaan juga telah melonggarkan pengimportan dan pada masa yang sama, mengenakan sekatan eksport ke atas tepung gandum.

Perkembangan pesat dalam sektor pembinaan telah menyebabkan permintaan terhadap simen meningkat. Permintaan terhadap simen dijangka meningkat sebanyak 20% iaitu daripada 12 juta tan metrik pada tahun 1995 kepada 14.4 juta tan metrik dalam tahun 1996. Sebaliknya dalam tempoh yang sama, bekalan simen tempatan meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 12%, daripada 11.7 juta tan metrik kepada 13.1 juta tan metrik. Pada bulan Ogos 1995, Kerajaan telah membenarkan peningkatan 10% harga simen iaitu daripada RM180 setan metrik kepada RM198 setan metrik, memandangkan harga di pasaran luar negeri lebih tinggi. Di samping itu, bagi meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran simen tempatan, Kerajaan telah meluluskan empat buah kilang simen yang baru serta membenarkan pengimportan simen daripada China, Mexico dan Iran.

Bagi mengatasi masalah kenaikan ketara harga makanan yang disebabkan terutamanya oleh kekurangan bekalan, Kerajaan menggalakkan sektor swasta supaya meningkatkan penglibatan mereka dalam pengeluaran makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ikan dan ternakan. Sehubungan dengan ini, Belanjawan tahun 1996 telah menambah liputan Elaun Pelaburan Semula supaya merangkumi aktiviti pengeluaran makanan utama. Kerajaan juga membenarkan pengecualian cukai import ke atas peralatan khusus dan input yang digunakan secara langsung dalam pengeluaran makanan yang berasaskan pengeluaran secara komersial atau berkelompok.

Tabung untuk makanan telah ditambah menjadi RM600 juta bagi menyediakan kemudahan pinjaman yang murah untuk penanaman, pengeluaran dan pengedaran makanan. Sehingga 31 Julai 1996, sejumlah RM290.4 juta telah diluluskan di mana 56% daripadanya disalurkan untuk aktiviti ternakan, 18% untuk sayur-sayuran dan buah-buahan dan 11% untuk pemprosesan makanan. Sejumlah RM4.37 billion telah diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, dalam usaha untuk menggalakkan lagi pengeluaran makanan. Di samping itu jumlah peruntukan bagi kredit pertanian kepada Bank Pertanian Malaysia meningkat sebanyak 8.1 % daripada RM194.9 juta dalam Rancangan Malaysia Keenam kepada RM200 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sebagai sebahagian daripada langkah Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran pengguna, pertandingan 'Keluarga Hidup Selesa' telah dilancarkan pada 4 Jun 1996 sempena sambutan Hari Pengguna Sedunia. Objektif peraduan tersebut ialah untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran pengguna terhadap hak mereka serta keperluan untuk merancang perbelanjaan mereka secara bijaksana. Di samping itu, peraduan ini juga dilancarkan bagi menanam etika perniagaan di kalangan kelompok peniaga di Malaysia supaya lebih bertanggungjawab. Ini termasuk kempen umum terhadap kesan negatif inflasi serta peranan pengguna dan pedagang yang boleh dilaksanakan bagi mengawal inflasi bagi mencapai kehidupan yang selesa. Syarat-syarat yang ditetapkan bagi keluarga-keluarga yang akan dinilai termasuklah perbelanjaan mereka untuk makanan, perumahan, pakaian dan pergangkutan.

Bagi menguatkan lagi usaha Kerajaan dalam meningkatkan kesedaran pengguna, kempen 'Jualan Murah Inflasi Sifar' selama empat hari telah dilancarkan pada 7 Jun 1996. Kempen ini, yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia Cawangan Utara, telah menarik minat seramai 78 peserta termasuk 23 pengilang, 20 pemborong dan lima agensi Kerajaan. Objektif kempen ini ialah untuk menanam semangat serta kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab sosial di kalangan peniaga dan pedagang, dan supaya mereka tidak terlibat dengan amalan mengambil untung yang berlebihan. Selaras dengan peningkatan keprihatinan terhadap perlindungan pengguna, Bahagian Penguat-

kuasaan KPDNHEP, sehingga 3 Ogos 1996, telah membuat pemeriksaan ke atas 340,376 gedung perniagaan. Sejumlah 479,333 gedung perniagaan telah diperiksa pada tahun 1995 di mana sebanyak 5,762 kes telah dikenakan caj dan denda berjumlah RM6,763,528 dan sebanyak 4,800 kes lagi dikenakan kompaun berjumlah RM1,064,205. Bagi tahun 1996 pula, dijangkakan sebanyak 500,000 gedung perniagaan akan dibuat pemeriksaan.


Sebagai langkah bagi membantu pengguna supaya mendapat maklumat melalui penyebaran maklumat harga serta bantuan kepada persatuan pengguna, Pusat Maklumat Harga yang telah diwujudkan di Kuala Lumpur sejak 12 Oktober 1993, memungut dan menyebarkan senarai harga kira-kira 97 barangan setiap minggu. Harga-harga runcit juga disebarkan melalui media massa setiap minggu bagi memudahkan pengguna membuat perbandingan harga. Di samping itu, untuk membolehkan Kerajaan menggubal langkah-langkah awal bagi memastikan bekalan yang cukup dan stabil dan mengelakkan daripada peningkatan harga yang tinggi dan mendadak ekoran daripada kekurangan bekalan, KPDNHEP melalui Jawatankuasa Bersama Sistem Amaran Awal meneruskan analisa dan mengesan harga bagi 170 jenis barangan pengguna setiap minggu. Pada masa yang sama, pemborong dan peruncit juga digalakkan mengamalkan jualan "harga patut". Sehingga 31 Julai 1996, sebanyak 952 gedung yang merangkumi pasaraya, pasar mini dan kedai runcit, telah dianugerahkan gelaran 'Kedai Harga Patut' berbanding dengan 458 gedung pada tahun 1995.

Keprihatinan terhadap inflasi aset serta bagi meredakan tekanan harga ke atas hartanah, garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing terhadap pemilikan hartanah oleh rakyat asing telah diperketatkan. Sebagai tambahan kepada had RM250,000 paras harga banglo dan kondominium yang dikenakan pada awal tahun 1995 kepada rakyat asing, Belanjawan tahun 1996 telah mengenakan levi berjumlah RM100,000 untuk dipungut oleh pihak berkuasa negeri ke atas setiap pemilikan hartanah oleh pihak asing. Pada masa yang sama, Cukai Perolehan Hartanah (RPGT) sebanyak 30% dikenakan ke atas rakyat asing tanpa mengambilkira tempoh pemegangan hartanah tersebut sebelum hartanah tersebut dijual. Bagi rakyat Malaysia, RPGT juga dinaikkan daripada 20% kepada 30% bagi jualan hartanah dalam tempoh dua tahun selepas pemilikan, 15%

kepada 20% dalam tempoh tiga tahun dan 10% kepada 15% dalam tempoh empat tahun.

Mencerminkan kejayaan langkah yang menyeluruh dalam pencegahan inflasi, **Indeks Harga Pengguna (IHP)** dijangka meningkat sedikit kepada 3.6% dalam tahun 1996, berbanding dengan kenaikan 3.4% yang dicatatkan pada tahun 1995. Bagi tempoh sembilan bulan pertama, IHP telah meningkat sedikit kepada 3.6% berbanding dengan peningkatan sebanyak 3.4% bagi tempoh yang sama tahun 1995. Berasaskan kawasan, arah aliran harga di Sabah dan Sarawak menunjukkan peningkatan kecil di kedua-dua negeri tersebut berbanding dengan Semenanjung Malaysia, berikutan peningkatan yang lebih tinggi yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. IHP bagi Semenanjung Malaysia meningkat 3.9% (Januari-September 1995: 3.6%). Indeks bagi Sarawak meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.2% (Januari-September 1995: 2.3%) dan Sabah 2.8% (Januari-September 1995: 2.7%) sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1.

Carta 8.1
Indeks Harga Pengguna (1994 = 100)
(perubahan tahunan)



Jadual 8.1

**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
(1994=100)**

		Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)		
	Wajaran ¹	1995	1995	1996
JUMLAH	100	3.4	3.4	3.6
Makanan	34.9	4.9	4.8	5.7
Minuman dan tembakau	3.6	2.3	2.3	2.4
Pakaian dan kasut	3.6	0.0	0.1	-0.7
Sewa kasar, bahanapi dan kuasa	21.1	3.4	3.5	3.2
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan, dan pengendalian rumah	5.6	2.8	2.4	1.6
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	3.1	3.2	3.6
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	1.8	1.7	1.7
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.8	2.5	2.4	3.5
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.6	4.2	4.8	2.6
Semenanjung Malaysia	100	3.7	3.6	3.9
Sabah	100	2.8	2.7	2.8
Sarawak	100	2.2	2.3	2.2

¹ Wajaran yang digunakan adalah berdasarkan kepada wajaran mutakhir daripada Kajian Perbelanjaan Isirumah tahun 1994.

Sumber: Jabatan Perangkaan

IHP bagi komponen kecil makanan, perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi bagi lima bulan berturut-turut. Gabungan kumpulan-kumpulan ini menyumbang sebanyak 59% kepada peningkatan IHP keseluruhannya, berbanding dengan 51.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Indeks kecil makanan, yang menyumbang lebih daripada

separuh daripada keseluruhan peningkatan IHP, meningkat sebanyak 5.7% (Januari-September 1995:4.8%) terutamanya disebabkan oleh peningkatan yang ketara dalam kumpulan kecil ikan (12.5%), beras, roti dan bijirin lain (6.9%) dan buah-buahan dan sayur-sayuran (3.4%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.2.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1996, indeks kecil pengangkutan dan perhubungan meningkat sedikit pada kadar 1.7% iaitu kadar yang sama yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan

Jadual 8.2

**Malaysia: Indeks Harga Pengguna
Bagi Makanan
(1994=100)**

		Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)		
	Wajaran ¹	1995	1995	1996
Makanan keseluruhan	34.9	4.9	4.8	5.7
Makanan di rumah	25.1	5.3	5.2	6.0
Beras, roti dan bijirin-bijirin lain	5.5	1.4	1.0	6.9
Daging	3.8	0.8	1.4	3.9
Ikan	4.9	12.1	11.9	12.5
Susu dan telur	2.3	-0.4	-0.9	3.8
Minyak dan lemak	0.7	11.2	13.3	0.8
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.4	8.7	8.6	3.4
Gula	0.6	0.7	0.5	1.0
Kopi dan teh	0.8	4.6	5.1	0.6
Makanan lain	1.1	2.7	2.1	4.5
Makanan di luar rumah	9.8	3.7	3.8	4.7

¹ Wajaran yang digunakan adalah berdasarkan kepada wajaran mutakhir daripada Kajian Perbelanjaan Isirumah tahun 1994.

Sumber: Jabatan Perangkaan

oleh pengurangan import dan cukai eksais ke atas tayar dan harga petrol tanpa plumbum yang terus stabil. Indeks kecil sewa kasar, bahan api dan kuasa terus meningkat sebanyak 3.2% (Januari-September 1995: 3.5%), terutamanya disebabkan peningkatan sewa bagi unit-unit kediaman.

Indeks kecil bagi pakaian dan kasut mencatatkan kemerosotan sebanyak 0.7% (Januari-September 1995: 0.1%), terutamanya disebabkan oleh kemerosotan harga pakaian dan kasut, berikutan pengurangan cukai import bagi kebanyakan jenis barangan tersebut sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan tahun 1995 dan 1996. Sebaliknya, indeks kecil minuman dan tembakau terus meningkat sebanyak 2.4% (Januari-September 1995: 2.3%).

Dari segi barang-barang tahan lama dan mudah rosak, harga barang-barang tersebut meningkat sebanyak 2.1% dan 4.2%, (Januari-September 1995: 1.5%, 4.0%), mencerminkan terutamanya peningkatan ketara dalam harga ikan, tepung, buah-buahan dan sayuran. Sebaliknya, indeks kecil bagi **barang-barang separuh tahan** (termasuk pakaian, kain dan peralatan kebun) meningkat sebanyak 1.2% (Januari-September 1995: 0.3%), manakala indeks kecil bagi perkhidmatan pula meningkat sederhana sebanyak 3.6% berbanding dengan peningkatan 3.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995.

Sementara IHP mengukur harga-harga bagi barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh purata isirumah dalam negara, **Indeks Harga Pengeluar (IHPG)** pula mengukur kadar purata perubahan dalam harga bagi semua barang yang dikeluarkan oleh pengeluar dan dibayar oleh pengimport. Oleh itu, IHPG dan IHP tidak boleh dibandingkan secara langsung, sebaliknya memerlukan tempoh masa bagi menterjemahkan perubahan dalam IHPG kepada perubahan-perubahan dalam harga runcit. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, **IHPG bagi ekonomi tempatan** meningkat sedikit pada kadar 1.5% berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995, disebabkan terutamanya oleh kemerosotan harga keluaran pertanian, terutamanya getah dan minyak sawit. Indeks kecil bagi makanan dan binatang hidup meningkat sebanyak 5.6% (Januari-Ogos 1995: 1.9%) terutamanya disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran ekoran peningkatan

harga input. Komponen minyak dan lelemak binatang dan sayuran menunjukkan kemerosotan harga yang ketara di mana indeks kecil merosot sebanyak 7.0% berbanding dengan peningkatan ketara sebanyak 27.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995, disebabkan oleh kemerosotan harga minyak kelapa sawit yang diproses, seiring dengan penawaran yang kukuh di pasaran dunia. Indeks kecil bagi bahan-bahan mentah terus merosot sedikit daripada kemerosotan sebanyak 3.4% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, terutamanya ekoran daripada kemerosotan harga getah asli dan minyak sawit yang belum diproses. (Jadual 8.3)

Di peringkat **pengeluaran tempatan**, IHPG meningkat sebanyak 2.0% dalam tempoh lapan bulan pertama 1996 berbanding dengan 6.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan kecil ini disebabkan terutamanya kemerosotan harga minyak sayuran dan lelemak 7.0% (Januari-Ogos 1995: 32.3%) dan bahan-bahan mentah 1.3% (Januari-Ogos 1995: 10.4%). Sebaliknya, Indeks kecil peralatan jentera dan pengangkutan meningkat 2.3% (Januari-Ogos 1995: -1.7%). Indeks kecil bagi bahanapi galian, pelincir dan bahan-bahan berkaitan meningkat sebanyak 9.9%, manakala indeks kecil minuman dan tembakau meningkat kecil kepada 0.7% (Januari-Ogos 1995: 2.7%). Indeks kecil **IHPG bagi import** pula terus merosot sebanyak 0.5% (Januari-Ogos 1995: 1.0%), ekoran daripada kadar inflasi yang rendah di luar negeri di samping penghapusan dan pengurangan cukai import ke atas pelbagai jenis barangan. Ini menyebabkan kemerosotan sebanyak 0.3% indeks harga bahanapi galian, pelincir dan bahan-bahan berkaitan (Januari-Ogos 1995: 1.7%) dan juga kemerosotan sebanyak 3.3% jentera dan peralatan pengangkutan (Januari-Ogos 1995: -2.2%). Peningkatan kecil dicatatkan bagi indeks kecil bahan kimia dan barangan berkaitan (2.4%), bahan-bahan mentah 1.1%, barang-barang yang dikilangkan (0.5%) dan minuman dan tembakau (0.8%).

Manakala IHP merupakan petunjuk umum bagi perubahan harga runcit, ia tidak menunjukkan perubahan dalam paras harga barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh kumpulan atau lokasi tertentu, umpamanya di antara kumpulan pendapatan serta kawasan bandar dan luar bandar. Bagi maksud menyediakan petunjuk terhadap perubahan harga yang membabitkan pelbagai tingkat pendapatan, Jabatan Perangkaan kini

Jadual 8.3**Malaysia: Indeks Harga Pengeluar
(1989 = 100)**

	Wajaran ¹	Perubahan Tahunan (%) (Januari-September)		
		1995	1995	1996
Ekonomi tempatan	100.0	4.0	5.4	1.5
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	2.4	1.9	5.6
Minuman dan tembakau	2.1	2.3	2.1	0.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahanapi	17.9	7.0	8.4	-1.2
Minyak galian, pelicir	18.8	-0.4	0.0	8.4
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.47	26.0	27.5	-7.0
Kimia dan keluaran kimia	4.4	1.9	1.7	1.3
Barangan perkilangan dijeniskan mengikut bahan	10.8	-0.1	-0.5	1.3
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.4	-1.8	-1.4	-0.2
Pelbagai barangan keluaran kilang	3.6	2.3	1.5	4.2
Pelbagai perniagaan dan barangan tidak dikelaskan	0.6	-0.4	-0.4	0.3
Pengeluaran tempatan	79.8	4.8	6.1	2.0
Import	20.2	0.7	1.0	-0.5


Sumber: Jabatan Perangkaan

menyediakan IHP mengikut kumpulan pendapatan. Indeks ini adalah berdasarkan pergerakan harga barangan dan perkhidmatan yang merupakan keperluan asas yang digunakan oleh para pengguna dengan purata pendapatan menyamai atau kurang daripada RM1,500. Kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan kumpulan pendapatan tersebut merangkumi kira-kira 65% daripada keseluruhan isirumah di Malaysia. Senarai barangan pengguna yang digunakan dalam pengiraan IHP mengikut kumpulan pendapatan merangkumi 75 jenis barangan termasuk beras, tepung, susu pekat, roti, ayam, bawang, garam dan sardin dalam tin. Manakala kajian awal menunjukkan terdapat perbezaan yang kecil di antara IHP keseluruhan dengan indeks yang dikira untuk mewakili kumpulan pendapatan tersebut, indeks harga bagi komponen IHP tertentu adalah berbeza dengan ketara, khususnya bagi makanan dan komponen kecil makanan. Ini mencerminkan wajaran bagi komponen makanan dalam bakul barangan kumpulan pendapatan rendah adalah lebih tinggi. Di samping itu, Jabatan Perangkaan juga menjalankan pengiraan IHP bagi kawasan bandar dan luar bandar. Keputusan pengiraan tersebut juga menunjukkan terdapat perbezaan indeks yang kecil di antara bandar dan luar bandar, terutamanya disebabkan perbezaan yang kecil dalam corak perbelanjaan di antara kawasan bandar dengan luar bandar.

Gunatenaga

Selaras dengan pertumbuhan ketara ekonomi negara yang sedang memasuki tahun ke sembilan, ketegaran pasaran buruh turut berterusan. Pada tahun 1996, kadar perkembangan dalam peluang pekerjaan terus melebihi kadar pertumbuhan dalam penawaran tenaga buruh. Dengan jangkaan pertumbuhan gunatenaga pada kadar 3.4%, sejumlah 265,000 peluang pekerjaan baru dijangka dapat diwujudkan berbanding dengan 312,000 pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan tenaga buruh dianggarkan lebih rendah iaitu 3.2% (1995: 3.9%). Natiujahnya, kadar pengangguran terus merosot kepada 2.6% daripada 2.8% pada tahun 1995, menunjukkan ekonomi pada hakikatnya mencapai tahap gunatenaga penuh. Suasana pasaran buruh yang ketat ini terus dialami oleh hampir semua sektor dalam ekonomi.

Carta 8.2
Indeks Harga Pengeluar (1989 = 100)
(perubahan tahunan)



Jumlah pencari kerja yang berdaftar dengan Jabatan Buruh, Kementerian Sumber Manusia sehingga akhir bulan Julai 1996 ialah 24,070 orang berbanding dengan 23,329 orang dalam tempoh yang sama tahun 1995, iaitu peningkatan sebanyak 3.2%. Kadar peningkatan yang lebih tinggi dicatatkan di negeri-negeri Sabah, Kelantan dan Trengganu yang menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak 56.7%, 49.3% dan 41.5%. Sebaliknya negeri Selangor, Sarawak dan Kedah telah mencatat kemerosotan yang ketara iaitu masing-masing sebanyak 46.2%, 19.9% dan 18.1%. Jumlah peluang pekerjaan baru yang dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1996 berkurangan sebanyak 3.8% kepada 33,483 berbanding dengan 34,809 dalam tempoh yang sama tahun 1995. Negeri Kedah mencatatkan kemerosotan 49.2%, Sarawak 26.7% dan Perak dan Wilayah Persekutuan 24.7%, (lihat jadual 8.4). Walau bagaimanapun, kemerosotan yang ketara yang dicatatkan di negeri-negeri tersebut telah diimbangi oleh peningkatan tinggi dalam peluang pekerjaan baru di negeri-negeri seperti Kelantan (114.5%), Terengganu (56.8%) dan Pahang (32.6%).

Jumlah gunatenaga dalam tahun 1996 dianggarkan mencapai 8.2 juta (1995: 7.9 juta), di mana sektor-sektor sekunder dan ketiga dijangka terus merupakan penyumbang utama, yang merupakan 82.7% daripada jumlah gunatenaga dalam tahun 1996 berbanding dengan 81.4% dalam tahun 1995. Sebaliknya, peratus gunatenaga dalam sektor utama (termasuk pertanian, perhutanan dan perikanan serta perlombongan) daripada jumlah keseluruhan gunatenaga dijangka terus merosot kepada 16.8% (1995: 18%) (lihat jadual 8.5).

Berasaskan sektor, gunatenaga dalam sektor perkilangan dijangka terus menyumbang sebahagian besar daripada jumlah gunatenaga. Dalam tahun 1996, sumbangannya kepada jumlah gunatenaga dijangka meningkat kepada 27% berbanding dengan 25.9% pada tahun 1995. Sektor perkilangan dengan ini kekal sebagai punca utama gunatenaga disebabkan oleh perkembangan yang kukuh dalam aktiviti-aktiviti yang berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri. Permintaan terhadap pekerja mahir dan separa mahir dijangka meningkat di tahun-tahun akan datang ekoran daripada perubahan struktur yang sedang berlaku ke arah aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, teknologi moden dan kaedah-kaedah penjimatan tenaga buruh. Berasaskan kepada jumlah Pelaburan yang diluluskan, pelaburan modal dalam kilang dan jentera bagi setiap pekerjaan yang diwujudkan meningkat daripada RM184,632 dalam separuh pertama tahun 1995 kepada RM359,464 dalam tempoh yang sama tahun 1996. Permintaan untuk pekerja mahir dan separa mahir pula dijangka meningkat sebanyak 9% daripada 36,327 orang pada tahun 1995, kepada 39,498 orang dalam tahun 1996.

Mencerminkan prestasi aktiviti ekonomi keseluruhan yang kukuh, sektor perkhidmatan dijangka menyumbang 47.1% daripada jumlah gunatenaga dalam tahun 1996. Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta sektor-sektor pengangkutan, simpanan dan perhubungan kekal sebagai penyumbang utama kepada pengwujudan gunatenaga dengan masing-masing menyediakan sebanyak 1,353,700 dan 420,400 pekerjaan baru yang dijangka merupakan 16.5% dan 5.1% daripada jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan dalam tahun 1996. Sumbangan sektor kecil perkhidmatan Kerajaan kepada jumlah gunatenaga dijangka merosot sedikit kepada 10.7% dalam tahun 1996 berbanding dengan 11.1% pada

Jadual 8.4

**Perbandingan Di Antara Pendaftar Aktif dan Kekosongan Baru
Mengikut Negeri Bagi Januari-Julai 1996**

	<i>Pendaftar aktif</i>			<i>Kekosongan Baru</i>		
	<i>Julai+ 1995</i>	<i>Julai+ *1996</i>	<i>Perubahan (%)</i>	<i>Jan-Julai 1995</i>	<i>Jan-Julai *1996</i>	<i>Perubahan (%)</i>
Perlis	770	740	-3.9	498	400	-19.7
Kedah	2,941	2,410	-18.1	4,864	2,473	-49.2
Pulau Pinang	1,002	1,031	2.9	4,909	5,431	10.6
Perak	1,858	1,624	-12.6	3,738	2,813	-24.7
Selangor	2,303	1,239	-46.2	4,773	4,549	-4.7
Negeri Sembilan	1,362	1,190	-12.6	3,489	3,013	-13.6
Melaka	616	512	-16.9	351	455	29.6
Johor	1543	1458	-5.5	3654	4749	30.0
Pahang	1,240	1,319	6.4	951	1,261	32.6
Terengganu	1,464	2,072	41.5	892	1,399	56.8
Kelantan	1,480	2,209	49.3	932	1,999	114.5
Wilayah Persekutuan	2210	2448	10.8	2377	1791	-24.7
Sabah	2,848	4,462	56.7	1,230	1,573	27.9
Sarawak	1,692	1,356	-19.9	2,151	1,557	-26.7
Jumlah Malaysia	23,329	24,070	3.2	34,809	33,483	-3.8

Sumber: Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia
Nota: + Angka terkumpul pada akhir Julai
 * Angka bagi bulan Julai 1996 belum disahkan

tahun 1995, mencerminkan usaha Kerajaan yang berterusan untuk 'mensepadankan saiz' sektor awam, melalui program penswastan dan pengukuhan semula agensi-agensi Kerajaan.

Dengan meningkatnya pelaburan dalam aktiviti-aktiviti pembinaan seperti Kompleks Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang serta pembangunan hartanah untuk kediaman dan komersial, jumlah gunatenaga dijangka meningkat sebanyak 3.4% dalam tahun 1996, (1995: 4.1%) menyebabkan pengwujudan pekerjaan baru berjumlah 45,700. Projek KLIA

sahaja telah mewujudkan sebanyak 25,000 pekerjaan baru yang merupakan separuh daripada jumlah pekerjaan baru yang telah diwujudkan. Sebaliknya, sumbangan sektor-sektor pertanian, perhutanan dan perikanan kepada jumlah gunatenaga dijangka terus mengalami arah aliran yang menurun di mana sumbangannya kepada jumlah gunatenaga merosot kepada 16.8% berbanding dengan 18.0% pada tahun 1995. Sumbangan sektor perlombongan dan kuari kepada jumlah gunatenaga kekal sebanyak 0.5%, disebabkan oleh pertumbuhan sektor kecil petroleum dan gas.

Jadual 8.5


**Gunatenaga Mengikut Sektor
(% daripada jumlah)**

	1995	1996
Pertanian, perhutanan dan perikanan	18.0	16.8
Perlombongan	0.5	0.5
Perkilangan	25.9	27.0
Pembinaan	8.3	8.6
Elektrik, gas dan air	0.8	0.9
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	16.2	16.5
Kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan	4.8	4.8
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	5.0	5.1
Perkhidmatan Kerajaan	11.0	10.7
Perkhidmatan lain	8.7	8.9
Jumlah	100.0	100.0
Sektor utama	18.6	17.3
Sektor Sekunder	34.2	35.6
Sektor Perkhidmatan	47.2	47.1

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Kemantapan ekonomi sejak lapan tahun kebelakangan telah membawa kepada pengwujudan peluang-peluang pekerjaan di mana ekonomi beroperasi daripada keadaan lebihan tenaga buruh kepada keadaan kekurangan tenaga buruh. Akibatnya, berlaku perpindahan ramai pekerja secara sukarela yang dialami oleh semua sektor dalam ekonomi khususnya di sektor-sektor pembinaan, perkhidmatan dan perkilangan. Kajian ke atas gunatenaga oleh Jabatan Buruh menunjukkan bahawa pada separuh pertama tahun 1996, sektor perkilangan, pembinaan, perladangan

**Carta 8.3
Petunjuk-Petunjuk Gunatenaga**



Sumber: UPE

perlombongan mencatatkan kekurangan tenaga buruh seramai 20,796 orang, manakala sektor perkhidmatan mengalami kekurangan berjumlah 7,957 orang.

Bagi menangani keperluan negara yang semakin meningkat terhadap pekerja mahir, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM90 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membina sembilan lagi Institut Latihan Kemahiran. Pada masa ini sudah terdapat lapan buah Institut yang serupa. Dengan pembinaan Institut tambahan ini, pengambilan penuntut akan bertambah tiga kali ganda. Pada awal tahun 1995, selaras dengan objektif untuk meningkatkan keupayaan latihan dalam bidang-bidang baru dan juga kemahiran di peringkat yang lebih tinggi, Liputan Tabung Pembangunan Sumber Manusia telah diperluaskan. Industri-industri terpilih dalam sektor perkhidmatan iaitu industri hotel, telekomunikasi, agensi persiaran dan pelancungan, perkapalan, penghantaran kargo, perkhidmatan penghantaran, pengiklanan dan perkhidmatan komputer dibenarkan memohon untuk penggunaan tabung tersebut. Dengan pindaan ini, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (HRDC) dijangka memungut levi dengan jumlah terkumpul sebanyak RM303.9 juta sehingga bulan Ogos 1996 berbanding dengan RM229.9 juta pada penghujung tahun 1995. Sejumlah RM139.7 juta telah diperuntukkan untuk program latihan dan sejumlah 639,110 kakitangan telah mendapat manfaat daripada empat skim latihan yang sedia ada. Skim tersebut ialah Skim Bantuan Latihan (SBL), Skim Program Latihan Yang Diluluskan (PROLUS), Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan (PERLA) dan Pelan Latihan Tahunan (PLT). Daripada keempat-empat skim tersebut, skim SBL yang memberi kelonggaran kepada majikan untuk menjalankan latihan di tempat kerja mempunyai bilangan pelatih yang terbesar iaitu kira 76% daripada jumlah keseluruhan dan peruntukan terbesar iaitu 80.8%. Ini menunjukkan bahawa majoriti majikan lebih cenderung untuk mengadakan latihan di tempat kerja berbanding dengan latihan-latihan luar.

Selaras dengan matlamat untuk meningkatkan keupayaan latihan di bidang-bidang baru, HRDC telah melancarkan tiga skim dan kemudahan tambahan, iaitu Skim Latihan Bersama, Skim Latihan Aperantis dan Kemudahan Pinjaman Mudah di akhir tahun 1995. Pada masa ini, ketiga-tiga skim tersebut menerima sambutan yang kurang menggalakkan di mana hanya 1.4% daripada

pinjaman yang diperuntukkan telah dimanfaatkan. Dalam usaha untuk mempercepatkan penggunaan kemudahan pinjaman, HRDC menggalakkan semua pusat latihan kemahiran dan institut yang ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia memohon pinjaman mudah daripadanya bagi mempertingkatkan kemudahan latihan mereka. Pinjaman ini juga akan disediakan untuk pusat-pusat yang ditadbir oleh persatuan-persatuan majikan dan kumpulan industri dengan kadar faedah sebanyak 2%, manakala pusat latihan swasta dengan kadar faedah sebanyak 4%.

Bagi memenuhi keperluan terhadap tenaga mahir dalam bidang-bidang kemahiran baru di peringkat yang lebih tinggi, dan mengambil faedah daripada teknologi lanjutan di negara-negara maju, Institut Latihan Kemahiran Lanjutan ditubuhkan dengan kerjasama Republik Persekutuan German, Perancis dan Jepun. Institut German-Malaysia yang ditubuhkan dalam tahun 1992, dijangka mengeluarkan seramai 87 graduan pada akhir tahun 1996, dalam bidang teknologi pengeluaran dan Industri Elektronik. Institut Malaysia-Perancis sebaliknya menawarkan kursus-kursus di peringkat lanjutan dalam bidang-bidang seperti penjagaan sistem dan jentera automatik, pemasangan peralatan elektrik dan teknologi kimpalan. Institut ini, dengan keupayaan seramai 253 orang pelatih, memulakan operasinya pada bulan Oktober 1995.

Kerajaan sedang mengkaji semula keupayaan semasa Institut Latihan Perindustrian. Sebagai tambahan kepada lima institut latihan perindustrian yang baru (ITI), dua buah Pusat Teknologi Kemahiran Lanjutan yang baru (STC), dan empat politeknik baru akan disiapkan dalam tahun 1996. Terdapat juga rancangan untuk mempercepatkan peningkatan taraf sebanyak 69 buah Sekolah Menengah Vokasional (SVS) yang sedia ada kepada maktab teknik. Dalam hubungan ini, sebanyak 20 buah SVS telah ditukar kepada STC bagi sesi persekolahan 1996. Kursus-kursus teknologi baru seperti teknologi berkaitan dengan komputer, telekomunikasi dan maklumat, automasi, pengilangan komponen kapal terbang, teknologi plastik, Rekabentuk Bantuan Komputer, Percetakan Lanjutan dan pengurusan teknologi akan diperkenalkan. Dalam menyediakan peluang-peluang kepada pelajar di sekolah menengah untuk mempelajari teknologi kejuruteraan dan lukisan kejuruteraan, mata pelajaran ini juga diperkenalkan di beberapa buah sekolah menengah terpilih.

Usaha-usaha Kerajaan dalam mengembangkan kemudahan pendidikan dan latihan di semua peringkat turut didokong oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (NFPEs), khususnya Telekom, Petronas dan Tenaga Nasional. Badan-badan korporat tersebut menganjurkan kursus-kursus di peringkat Universiti dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat serta mengembangkan keupayaan latihan dan program latihan mereka bagi meningkatkan pengambilan pelatih.

Langkah-langkah untuk meningkatkan bilangan pelatih dan jurulatih di institusi latihan juga dipertingkatkan. Kerajaan telah mempertingkatkan pengambilan sebanyak 2.5% iaitu daripada 3,110 orang pada tahun 1995 kepada 3,190 orang dalam tahun 1996 di Pusat Latihan Jurulatih dan Kemahiran Lanjutan. Kerajaan juga membenarkan Kolej Latihan Kemahiran Teknikal Swasta mengambil pensyarah asing berasaskan kontrak daripada negara-negara seperti India, Pakistan dan United Kingdom. Kementerian Belia dan Sukan melalui tujuh Pusat Latihan Pengkhususan akan meningkatkan pengambilan yang dianggarkan seramai 3,600 pelatih dalam tahun 1996 berbanding dengan 3,422 pada tahun 1995. Dalam usaha untuk menarik dan mengekalkan tenaga pengajar yang berkecuali dan berpengalaman, Kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat serta terma bagi perkhidmatan jurulatih. Sistem Maklumat Latihan Vokasional berkomputer, yang dikenali sebagai 'VOCATIONS', telah ditubuhkan pada tahun 1995 bagi mewujudkan asas data untuk penawaran dan permintaan kemahiran, tenaga kerja dengan kemahiran yang diiktiraf serta kedapatan jurulatih untuk pembangunan kemahiran.

Kerajaan juga menggalakkan penggunaan buruh tempatan dengan lebih meluas, termasuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja wanita dan menggunakan lebih ramai pekerja cacat untuk pekerjaan yang sesuai serta penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan. Pesara-pesara boleh juga diambil bekerja semula berasaskan kes demi kes. Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji kemungkinan membuat pindaan terhadap peraturan berhubung dengan gunatenaga secara sambilan di bawah Akta Gunatenaga 1995. Ini akan membolehkan pekerja-pekerja memegang lebih daripada satu pekerjaan dalam usaha yang sepadu untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja dan produktiviti. Ini juga akan membolehkan wanita diambil bekerja dalam gunatenaga sambilan. Bagi meningkatkan lagi kadar penyertaan wanita, firma-

firma akan digalakkan untuk mengamalkan amalan pekerjaan yang lebih longgar. Pendekatan 'serasi-keluarga' ini akan menawarkan kepada wanita kelonggaran untuk mengimbangi masa mereka di antara kerjaya dengan keluarga. Di samping itu, berbagai galakan telah dirancang termasuk mewajibkan sesebuah tempat kerja itu menyediakan pusat jagaan harian. Lanjutan daripada ini, penggunaan teknologi maklumat yang meluas akan menyediakan peluang kepada wanita supaya dapat digunakan tenaga mereka daripada rumah. Di samping itu rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara juga digalakkan untuk kembali bekerja di Malaysia.

Jawatankuasa Bertindak Mengenai Buruh Asing (PPPA) di bawah Kementerian Dalam Negeri telah mengambil pelbagai langkah serta memperkenalkan garis panduan baru untuk mengesan dan mengawal pengambilan dan kemasukan pekerja asing. Di antara 15 Ogos 1996 hingga 31 Disember 1996, satu gerakan mendaftar pekerja asing tanpa izin dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Gerakan pendaftaran ini membabitkan semua pekerja asing tanpa izin, merangkumi pekerja dalam sektor-sektor pembuatan, perkhidmatan, perkilangan dan termasuk pembantu rumah, yang memasuki Malaysia pada atau sebelum 10 Julai 1996. Peraturan baru ini melibatkan garis panduan berkaitan pengambilan pekerja asing yang berdasarkan kepada Perjanjian Kerajaan Malaysia dan Kerajaan di negara-negara asal pekerja asing. Peraturan-peraturan baru PPPA bertujuan mewujudkan kerjasama yang lebih rapat antara Malaysia dengan negara-negara asing yang rakyatnya bekerja di Malaysia serta bagi membolehkan pengesanan yang lebih baik dilakukan ke atas pergerakan pekerja-pekerja di kedua-dua pintu masuk dan keluar. Ciri-ciri utama garis panduan yang berkaitan dengan pengambilan pekerja asing ialah:

(i) negara sumber:

Kerajaan membenarkan pengambilan buruh asing daripada lima negara: Bangladesh, Filipina, Indonesia, Pakistan dan Negara Thai.

(ii) sektor yang dibenarkan:

sektor-sektor yang dibenarkan mengambil pekerja asing ialah sektor perladangan (kelapa sawit, koko, getah, teh dan ternakan ayam), perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan.

(iii) kriteria kelulusan:

akan mengambilkira di antara lainnya faktor-faktor berikut:

Keupayaan kewangan, penyediaan tempat tinggal, industri yang mempunyai status lebih daripada 30% nilai ditambah dan pengeluaran atau aktiviti yang dijalankan oleh industri adalah seperti yang disenaraikan dalam Akta Galakan Pelaburan 1986.

(iv) sekatan yang dikenakan terhadap pekerja asing:

pekerja asing dibenarkan bekerja di Malaysia selama tempoh lima tahun dan tidak dibenarkan menukar sektor pekerjaan.

Upah

Dengan perkembangan pesat ekonomi yang berterusan, negara telah mencapai tahap gunatenaga penuh dan diiringi oleh tekanan ke atas upah. Data yang diperolehi daripada kajian bulanan ke atas sektor perkilangan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan peningkatan upah purata sebanyak 8.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan 10.5% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Kenaikan upah purata sebenar yang dianggarkan sebanyak 7.1% ini tidak sepadan dengan peningkatan produktiviti sebanyak 3.9% (1995: 3.8%). Kenaikan upah purata tersebut yang melebihi peningkatan produktiviti boleh mencetuskan kitaran harga dan upah. Berasaskan keadaan ini, kos buruh seunit sebenar meningkat sebanyak 3.2% dalam tempoh Januari sehingga Julai 1996 setelah berkurangan sebanyak 3.2% bagi tempoh yang sama tahun 1995. Kenaikan yang berterusan dalam kos buruh seunit akan menyebabkan kesan negatif terhadap eksport Malaysia serta daya saingannya di peringkat antarabangsa. Kenaikan upah yang semata-mata diasaskan kepada IHP tanpa diiringi oleh kenaikan produktiviti akan membawa kepada inflasi dan akhirnya akan menafikan atau tidak memberikan sebarang erti kepada hasrat untuk mencapai tahap upah yang lebih tinggi, sedangkan natijahnya kuasa membeli daripada pendapatan tersebut semakin rendah.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, sektor yang mempunyai kesatuan, mencatat kenaikan upah purata sebanyak 12.3%, berasaskan kepada perjanjian bersama yang dipersetujui,

berbanding dengan 11.7% dalam tempoh yang sama tahun 1995 (meliputi hanya 10% daripada jumlah pekerja berkesatuan). Sektor-sektor komersial dan perkilangan menunjukkan peningkatan purata gaji sebanyak 13.7% dan 10.6%, berbanding dengan 11.8% dan 12.2% pada tahun 1995.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, bilangan perjanjian bersama upah jauh lebih tinggi berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995. Dalam tempoh ini, sebanyak 226 perjanjian bersama telah dipersetujui, yang melibatkan seramai 48,833 pekerja, berbanding dengan 257 perjanjian yang melibatkan 79,302 pekerja yang dilaporkan pada tempoh yang sama tahun 1995. Berdasarkan sektor, sektor perkilangan mencapai angka terbesar dalam perjanjian upah diikuti oleh sektor komersial dan pengangkutan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 8.6.

Selaras dengan meningkatnya keprihatinan terhadap jurang yang semakin melebar di antara produktiviti buruh dan peningkatan upah, khususnya dalam sektor perkilangan, Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang merupakan forum tigaparti tertinggi mengenai permasalahan buruh, pada bulan Ogos lalu telah mencapai persetujuan ke atas rangka kerja bagi reformasi gaji. Garispanduan Mengenai Reformasi Gaji tersebut telah dipersetujui oleh Kerajaan dan Garispanduan ini akan digunapakai oleh syarikat-syarikat dan kesatuan-kesatuan kerja mereka dalam perjanjian bersama di masa-masa akan datang. Garispanduan upah menekankan kaitan yang lebih rapat di antara upah dan kenaikan produktiviti yang membolehkan majikan memperkenalkan pendekatan yang lebih terbuka dan lebih sistematik ke arah meningkatkan lagi produktiviti dan upah bagi meningkatkan lagi daya saingan serta kestabilan gunatenaga. Objektif garispanduan tersebut adalah untuk membolehkan para pekerja mendapat habuan yang sewajarnya daripada sebarang keuntungan ekoran daripada peningkatan produktiviti dan prestasi. Ini akan mendorong ke arah kesaksamaan, perpaduan sosial dan kepuasan kerja melalui pengwujudan laluan kerjaya yang berhubungkait dengan peningkatan kemahiran. Di antara unsur-unsur utama dalam reformasi upah ialah:

- Upah akan merangkumi bayaran bulanan atau lain-lain imbuhan yang kerap dibayar, kenaikan tahunan, bonus tahunan atau yang jarang-jarang diterima.

Jadual 8.6
Perjanjian Mengenai Upah Sektor Swasta
(Januari-Julai)

	<i>Bilangan perjanjian upah</i>		<i>Bilangan pekerja terlibat</i>		<i>Purata peningkatan upah (%)</i>	
	1995	1996	1995	1996	1995	1996
Perkilangan	134	100	37,667	22,681	11.8	13.7
Komersial	66	27	8,071	3,876	12.2	10.6
Pengangkutan/ simpanan & perhubungan	24	41	1,194	7,265	10.7	10.4
Perkhidmatan	20	23	31,008	3,786	10.2	8.8
Keluaran pertanian pemerolehan dan pemprosesan	8	22	125	1,455	9.1	17.6
Perlombongan & kuari	0	4	0	1,342	0.0	10.9
Elektrikal/gas dan bekalan air	0	6	0	8,419	0.0	12.3
Pembinaan	1	0	1,237	0	16.3	0.0
Lain-lain	4	3	0	9	0.0	13.7
JUMLAH	257	226	79,302	48,833	11.7	12.3

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

— Upah sewajarnya merangkumi komponen yang tetap dan berubah-ubah. Unsur-unsur utama bagi komponen tetap merangkumi upah asas, kenaikan tahunan dan bonus berdasarkan kontrak (di mana yang boleh digunapakai). Sebaliknya komponen-komponen berubah merupakan kenaikan upah yang berdasarkan peningkatan produktiviti dan perkongsian keuntungan.

— Perubahan-perubahan dalam upah asas perlu mengambilkira faktor-faktor seperti kos sara hidup.

— Komponen tetap perlu mencerminkan nilai kerja dan kenaikan tahunan dibayar dengan mengambilkira tempoh perkhidmatan dan pengalaman pekerja; dan

- Komponen-komponen berubah boleh ditentukan berasaskan kaitannya dengan produktiviti dan prestasi individu, kumpulan kerja atau organisasi. Petunjuk-petunjuk yang digunakan mestilah telus dan boleh diukur dan pertimbangan perlu juga diberikan kepada penentuan masa bayaran sesuatu komponen.

Iklim hubungan perusahaan yang lebih harmoni terus wujud seperti yang dicerminkan daripada angka pertikaian perusahaan yang semakin berkurangan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, di mana hanya 270 kes yang melibatkan 31,760 pekerja berbanding dengan 511 kes, yang melibatkan 48,657 orang pekerja dalam tempoh yang sama tahun 1995. Daripada jumlah ini, kejadian pertikaian perusahaan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, ialah sebanyak 109 kes atau 40.4% yang berlaku dalam sektor perkilangan melibatkan 18,891 orang pekerja, berbanding dengan 96 kes yang melibatkan 18,320 pekerja dalam tempoh yang sama tahun 1995. Hampir keseluruhan daripada pertikaian tersebut adalah berpunca daripada perselisihan terma dan syarat-syarat kontrak dalam perjanjian bersama dan kontrak-kontrak perkhidmatan lain, khususnya berkaitan dengan

elaun dan bonus, kebuntuan-kebuntuan dalam rundingan bersama serta ketidakpuasan terhadap pilihan pengurusan serta tindakan-tindakan ke atas pekerja. Sebanyak tujuh piket dan mogok dicatatkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan lapan kes dalam tempoh yang sama tahun 1995. Daripada jumlah ini, tiga kes piket dan mogok dicatatkan dalam sektor perkilangan dan empat kes dalam sektor pertanian.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi peningkatan kes kemalangan industri. Penguatkuasaan ke atas Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 bagi menjamin keselamatan pekerja di tempat bertugas telah dipertingkatkan dalam tahun 1996. Sebanyak lapan buah syarikat telah didenda dan disaman oleh Mahkamah Industri bagi kesalahan yang bersabit di bawah akta tersebut. Selaras dengan kemerosotan dalam pasaran elektronik dunia, Kerajaan telah membentuk satu badan bertindak untuk mengesan kes-kes pemberhentian pekerja dalam industri elektronik. Objektif badan bertindak tersebut ialah untuk memastikan pekerja-pekerja yang diberhentikan diambil bekerja semula dalam industri-industri lain.